

17 AUG 2006

PERJANJIAN USAHASAMA ini dimeterai pada haribulan 2006

DI ANTARA

JALINAN MULIA SDN BHD (486322-D) sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat perniagaan di No 11 & 11A, Jalan 6/23E, Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur (selepas ini disebut "**Syarikat tersebut**") di pihak yang pertama;

DAN

Pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan seperti di dalam **Jadual 1, Lampiran 'A'** (selepas ini disebut "**Rakan Usahasama tersebut**") di pihak yang kedua;

DAN

MOHD HAIRUDI AHMAD (NO KP :750806015221) warganegara Malaysia yang cukup umur dan mempunyai alamat di No 11 & 11A, Jalan 6/23E, Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur serta merupakan Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Syarikat tersebut (selepas ini disebut "**Pengarah Pertama**") di pihak yang ketiga;

DAN

MOHD NAFFI YAACOB (NO KP : 750428035777) warganegara Malaysia yang cukup umur dan mempunyai alamat di No 11 & 11A, Jalan 6/23E, Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur serta merupakan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Pemegang Saham Syarikat tersebut (selepas ini disebut "**Pengarah Kedua**") di pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA

1. Syarikat tersebut adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan aktiviti perniagaan pembekalan bahan bacaan, perabot,



- kelengkapan dan keperluan pejabat kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan (selepas ini disebut "**Kontrak Pembekalan tersebut**").
2. Syarikat tersebut telah dianugerahkan **Kontrak Bekalan, Penghantaran Dan Penyerahan Buku-Buku Cetakan Dan terbitan Luar Negara Kepada Semua Agensi Kerajaan Di Seluruh Semenanjung Malaysia (No. Kontrak : PERB/PK/68/2003)** oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Surat Tawaran Rujukan S/K.KEW/PK/KP9999/01010357/173 JLD26(9) bertarikh 31hb Disember, 2003.
 3. Dalam melaksanakan aktiviti perniagaannya dan Kontrak Pembekalan tersebut, Syarikat tersebut telah mempelawa Rakan Usahasama tersebut untuk turut serta dan seterusnya menyumbangkan sejumlah wang seperti yang tercatat dalam **Jadual 2 Lampiran A** (selepas ini disebut "**Modal tersebut**") bagi tujuan menyempurnakan pelaksanaan Kontrak Pembekalan tersebut.
 4. Rakan Usahasama tersebut bersetuju untuk turut serta dalam Kontrak Pembekalan tersebut tertakluk kepada terma-terma yang terkandung kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:-

1. Kandungan Perjanjian

Berdasarkan pelawaan secara bersama dan berasingan daripada Syarikat tersebut, Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua dan dengan balasan-balasan seperti yang dinyatakan di dalam klausa 2,4 dan 5 di dalam Perjanjian ini, Rakan Usahasama tersebut dengan ini bersetuju untuk menyertai Perjanjian ini dan seterusnya menyerahkan kepada Syarikat tersebut Modal tersebut (yang mana Syarikat tersebut mengakui menerimanya) untuk tujuan melaksanakan Kontrak Pembekalan tersebut tertakluk kepada terma-terma di dalam Perjanjian ini.

2. Pulangan Kepada Rakan Usahasama tersebut

Sebagai balasan kepada Modal tersebut yang telah disumbangkan oleh Rakan Usahasama tersebut, maka, Rakan Usahasama tersebut adalah dengan ini layak dan berhak terhadap semua jumlah Modal tersebut apabila Perjanjian ini tamat atau ditamatkan berserta sejumlah pulangan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 4 di dalam Lampiran 'A'** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Pulangan Atas Modal tersebut**"). Walaubagaimanapun, semua pihak dengan ini bersetuju bahawa Pulangan Atas Modal tersebut akan diserahkan kepada Rakan Usahasama tersebut melalui bayaran secara bulanan.

3. Tanggungan dan Liabiliti

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa semua liabiliti dan tanggungan Syarikat tersebut, Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua hendaklah pada setiap masa dan bagi semua tujuan dengan apa cara sekalipun hendaklah secara bersama dan berasingan tidak menjejaskan hak-hak Rakan Usahasama tersebut di bawah Perjanjian ini dan dengan ini juga Rakan Usahasama tersebut adalah didiscajkan daripada sebarang tanggungan dan liabiliti yang timbul ekoran daripada pelaksanaan Kontrak Pembekalan tersebut.

4. Jaminan Peribadi oleh Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua

4.1 Tanpa memprejudiskan sebarang hak dan remedi serta kuasa-kuasa yang diberikan kepada Rakan Usahasama tersebut di bawah Perjanjian ini atau di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan, Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua dengan ini secara bersama dan berasingan menjamin kepada pelaksanaan keseluruhan terma dan syarat di dalam Perjanjian ini oleh Syarikat tersebut dan berakujanji untuk mengindemniti serta memastikan Rakan Usahasama bebas daripada :-

4.1.1 sebarang tindakan mahkamah dan / atau tuntutan terhadap Syarikat tersebut di mana sahaja dan dengan bagaimana cara sekalipun yang

berbangkit daripada pelaksanaan Kontrak Pembekalan tersebut atau lain-lain aktiviti atau liabiliti Syarikat tersebut.

- 4.1.2 sebarang kemungkiran terma di dalam perjanjian ini dan tanpa prejudis untuk membatyar semua jumlah wang yang layak diterima oleh rakan Usahasama tersebut seperti di dalam klausa 2 Perjanjian ini;
- 4.1.3 sebarang kerugian daripada pelaburan Modal tersebut dan / atau Pulangan Atas Modal tersebut dengan apa sebab sekalipun termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan Pelanggan Syarikat tersebut untuk melakukan pembayaran kepada Syarikat tersebut mengikut tempoh masa seperti dalam butir-butir Kontrak Pembekalan tersebut.
- 4.2 Jaminan Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua ini hendaklah menjadi cagaran berterusan (tertakluk kepada penamatan Perjanjian ini dan setelah Syarikat tersebut melaksanakan semua obligasinya seperti dalam klausa 2 Perjanjian ini) dan tanpa prejudis jaminan ini berterusan walaupun Syarikat tersebut dan / atau Pengarah Pertama dan / atau Pengarah Kedua telah membuat pembayaran atau penyelesaian secara ansuran kepada Rakan Usahasama tersebut.
- 4.3 Jaminan Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua juga sekiranya berlaku apa-apa kejadian samada kematian atau kecacatan kekal kepada Pengarah Pertama atau Pengarah Kedua atau kedua-duanya sekali. Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua telah membuat Perlindungan Insuran Nyawa (Venture Life) dengan Hong Leong Assurance sebanyak RM 1,000,000.00 (No. Polisi : UL200605918586) bagi Pengarah Pertama dan sebanyak RM 1,000,000.00 (No. Polisi : UL200605934745) bagi Pengarah Kedua. Di mana penerima wasiat bagi Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua adalah syarikat Jalinan Mulia Sdn Bhd.

5. Jaminan Pembayaran

Syarikat tersebut hendaklah pada masa Perjanjian ini dikuatkuasakan menyerahkan kepada Rakan Usahasama tersebut Cek Tertunda seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 5 dalam Lampiran 'A'** Perjanjian ini. Rakan Usahasama tersebut bersetuju dan berakujanji dengan Syarikat Usahasama tersebut bahawa Rakan Usahasama tersebut tidak akan menunaikan cek tersebut kecuali dan sehingga :-

5.1.1 Cek tersebut telah sampai tempoh masa untuk ditunaikan seperti pada tarikh yang tercatat pada cek tersebut; DAN

5.1.2 Syarikat tersebut telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti dalam klausa 2 Perjanjian ini; DAN

5.1.3 Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua telah gagal melaksanakan tanggungjawab mereka masing-masing seperti dalam klausa 4 Perjanjian ini dan setelah notis diserahkan oleh Rakan Usahasama tersebut seperti dalam klausa 8 Perjanjian ini.

6. Perubahan Dalam Pengurusan Dan Peraturan Syarikat tersebut

Jaminan seperti dalam klausa 4 Perjanjian ini akan berterusan kuatkuasa undang-undangnya meskipun berlaku perubahan kepada pengurusan, komposisi Ahli Lembaga Pengarah dan peraturan Syarikat tersebut.

7. Perjanjian Ini Mengikat Waris

Perjanjian ini hendaklah mengikat waris, wasi-wasi, wakil yang dilantik dan pihak yang diberikan kebenaran oleh Syarikat tersebut, Pengarah Pertama dan Pengarah Kedua dan boleh dikuatkuasakan oleh waris, wasi-wasi atau wakil yang dilantik oleh Rakan Usahasama tersebut.

8. Notis

Sebarang notis yang hendak dikemukakan oleh semua pihak di dalam Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan diposkan secara Pos Berdaftar A.R kepada alamat-alamat seperti di dalam Perjanjian ini dan / atau alamat terakhir pihak-pihak di dalam Perjanjian ini dan notis tersebut dianggap telah diterima selepas 48 jam daripada masa pengeposan.

9. Interpretasi

Di dalam Perjanjian ini mana-mana rujukan kepada perkataan 'singular' adalah dirujuk juga kepada perkataan 'plural' dan sebaliknya dan sebarang rujukan kepada individu termasuklah juga rujukan kepada syarikat dan sebaliknya. Rujukan kepada gender termasuk juga feminine dan 'neuter gender' dan sebaliknya.

10. Kos Ditanggung Oleh Syarikat tersebut


Semua kos termasuk kos peguamcara dan duti setem yang berkaitan dengan Perjanjian ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat tersebut.


11. Undang-undang Digunapakai

Perjanjian ini hendaklah dikuatkuasakan mengikut undang-undang Kerajaan Malaysia dan sebarang pertikaian berhubung dengan Perjanjian ini tertakluk kepada kuatkuasa Mahkamah di Malaysia. Sekiranya terdapat mana-mana terma di dalam Perjanjian ini bercanggah dengan peruntukan mana-mana undang-undang Kerajaan Malaysia, maka terma tersebut sahaja yang terbatal dan Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan boleh dikuatkuasakan.

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak tersebut dengan ini menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh seperti yang tercatat di muka hadapan Perjanjian ini:-

COP MOHOR]
JALINAN MULIA SDN BHD]
(486322-D) diperturukan]
di hadapan :-]


Pengarah




DITANDATANGANI oleh]
RAKAN USAHASAMA tersebut]
Name]
No. K/P]

Avandamnet
malaysia malayalamnet

di hadapan :-]
]

DITANDATANGANI oleh]
MOHD HAIRUDI AHMAD]
(NO KP : 750806015221)]
]



di hadapan :-]
]

DITANDATANGANI oleh]
MOHD NAFFI YAACOB]
(NO KP : 750428035777)]
]



di hadapan :-]
]